



**TEKS UCAPAN  
'MAJLIS JASAMU DIKENANG'**

**OLEH  
YANG BERBAHAGIA DATO' MOHAMMAD IZAT HASAN  
KETUA PENGARAH RISDA**

TEMPAT: DE' PALMA, AMPANG  
TARIKH : 27 MAC 2009 (JUMAAT)  
MASA : 8.00 MALAM

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Dato' Haji Ali Nordin bin Wahiduddin,  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA serta Yang  
Berbahagia Datin Leeza bt Laili

Yang Berbahagia Dato' Hj. Wan Mohamad Zuki bin Hj. Mohamad  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat)  
Merangkap Pengerusi J/Kuasa Induk Majlis

Tn. Hj. Kamaruddin bin Mohamed Shah, Pengurus Besar ESPEK

Yang Berbahagia Dato' Ramli bin Mohd. Kassim, Mantan  
Timbalan Ketua Pengarah merangkap wakil pesara ,

Pengarah-Pengarah Bahagian, Pengarah-Pengarah Negeri,

Pengurus-pengurus Besar Anak Syarikat,

Yang diraikan Pesara-pesara RISDA dan Penerima-penerima  
Watikah kenaikan pangkat

Seterusnya Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

3

Alhamdulillah, marilah sama-sama kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan limpah izin dan rahmatnyaNya dapat kita berkumpul di sini bagi sama-sama menjayakan 'Majlis Jasamu Dikenang' untuk meraikan 309 orang rakan-rakan seperjuangan yang telah pun melangkah ke dunia persaraan setelah tamat perkhidmatan dan juga yang telah bersara secara pilihan iaitu dari tempoh Oktober 2007 sehingga Mac 2009. Pada malam ini juga, Pengurusan RISDA akan menyampaikan watikah kenaikan pangkat kepada seramai 94 orang dari gred 44 ke atas yang telah pun naik pangkat mulai Januari 2008 sehingga Januari 2009. Terlebih dahulu saya bagi

4

pihak Pengurusan RISDA memohon ribuan maaf kerana mengadakan Majlis ini agak lewat bagi yang telah bersara lebih awal.

Bagi pihak Pengurusan RISDA, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pesara-pesara RISDA iaitu 116 orang yang bersara wajib dan 193 orang yang bersara secara pilihan, yang telah menabur bakti dan berjasa kepada perkhidmatan awam dan RISDA khususnya. Segala sumbangan dan jasa yang telah diberikan adalah tidak ternilai dan akan tetap di kenang. Sesungguhnya perkhidmatan yang telah ditunjukkan selama ini

5

begitu bermakna sekali terutama dalam misi RISDA untuk memperkasa masyarakat pekebun kecil yang maju dan berdaya tahan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Bagi kebanyakan orang yang sudah terbiasa bekerja, suatu kelainan pasti akan terasa tatkala menjelang pagi. Jika kebiasaannya selepas subuh akan bersiap untuk ke tempat kerja, tetapi kini 'skrip' bagi seorang pesara sudah jauh berbeza.

6

Namun tidak juga dinafikan bahawa, bagi mereka yang sudah melalui alam pekerjaan selama lebih 30 tahun, rasa 'ingin' untuk merehatkan diri kini sudah tiba waktunya. Suasana 'pergelutan' di jalanraya dengan melalui keadaan sesak atau 'jem' tentulah menjadikan usia kita seakan 'tua' di jalanan. Kesibukan tugas di tempat kerja juga kadangkala menyumbang dan menyebabkan seseorang merasa suatu tekanan yang sukar untuk digambarkan dengan kata-kata. Maka itu, alam persaraan begini bagi sesetengahnya seakan memiliki passport kebebasan yang hakiki !

7

Namun tidak juga dinafikan bahawa, ada kalangan yang lain yang merasa 'rindu' terhadap senario-senario seperti yang saya katakan tadi. Sebab itu, ada cerita yang timbul di mana terdapat kalangan pesara yang memulakan hari paginya yang baru, dengan membuat rutin-rutin seperti sebelumnya. Mereka seakan tidak dapat menerima situasi baru sebagai seorang 'pesara'. Namun, lama kelamaan pastilah ianya dapat dilenyapkan dan pupus sedikit demi sedikit.

Bagi kami di RISDA, persaraan tuan-tuan dan puan-puan itu merupakan suatu kehilangan. Keakraban yang dijalin sewaktu

8

masih dalam perjawatan, membuatkan setiap inci perbuatan atau perlakuan anda diingati oleh rakan-rakan anda terutama mereka yang akrab dengan anda, yang kadangkala pula ditiru ciplak identiti itu sebagai menggambarkan keakraban yang cukup intim.

Saya penuh yakin, melalui perancangan yang telah diatur, tuan-puan akan dapat melalui zaman peralihan ini kepada sesuatu yang bernilai positif. Mungkin juga sesetengahnya akan melakukan aktiviti pertanian dan perladangan hasil daripada pengalaman yang dikutip sewaktu masih bertugas dulu, ataupun

menjalankan perniagaan yang ada hubungkaitnya dengan sektor tersebut.

Bagi yang masih berkira-kira untuk melakukan sebarang usaha bagi menyambung kehidupan, saya berharap agar anda akan dapat meneliti sedalamnya apakah bidang tersebut sesuai dengan kemampuan diri. Ini kerana dalam keadaan sebegini, sebarang langkah yang silap diambil, akan memberikan impak yang besar kepada diri kita.

Sebagai peringatan bersama, saya harap agar kita tidak berjinak-jinak dengan skim 'Pak Man Telo' atau 'yang sewaktu' dengannya. Begitu juga kita harus elakkan diri kita daripada watak kanak-kanak yang kini didewasakan iaitu ALONG. Banyak contoh yang telah disebarluaskan oleh media massa, maka berhati-hatilah supaya kita tidak terjerat dengannya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Pada malam ini juga akan disampaikan 'Watikah Kenaikan Pangkat' kepada penerima-penerima kenaikan pangkat. Saya

11

bagi pihak RISDA, merakamkan ucapan setinggi tahniah dan syabas kepada tuan-tuan dan puan-puan semua. Sesungguhnya perlantikan ini adalah satu amanah yang menuntut kemantapan integriti, kecekapan, keikhlasan dan kecemerlangan dalam menjalankan tugas. Tentulah ianya akan menjadi pembakar semangat untuk kita terus menunjukkan prestasi yang lebih cemerlang demi menggapai visi, misi serta objektif organisasi yang menaungi kita ini.

Seringkali saya nyatakan bahawa semasa masih lagi dalam perkhidmatan, adalah menjadi kewajipan serta tanggungjawab

12

kita untuk melaksanakan perubahan dan penambahbaikan bagi meningkatkan lagi sistem penyampaian RISDA kepada pekebun kecil. Janganlah kita menyesal di kemudian hari kelak, iaitu apabila kita bersara dan tiada lagi dalam perkhidmatan, bahawa kita tidak melaksanakan sebaik-baiknya apa yang sepatutnya kita laksanakan kerana pada masa itu, semuanya telah terlambat.

Sebagai Ketua Jabatan, saya tidak dapat menafikan bahawa saya begitu berbangga dengan pencapaian anda semua. Segala kerja keras dan komitmen jitu anda telah memberikan pulangan

13

yang berbaloi dan menjadikannya sebagai indikator terhadap apa yang diusahakan selama ini.

***“If you think you work harder than the average worker, you’re an average worker. There are two things which deprive me of my peace of mind : work unfinished, and work not yet begun. You are in my team if you subscribe to these principles”.***

Saya mengucapkan terima kasih di atas kerjasama erat anda selama ini, dalam membantu saya menjayakan setiap merangka

14

dan merencana program dan aktiviti untuk memacu RISDA hingga ke tahap hari ini. Dan saya percaya, bahawa ianya masih mampu ditambahbaik dan dipertingkatkan lagi dari semasa ke semasa ke arah mencapai kualiti perkhidmatan yang ditawarkan kepada setiap pelanggan kita.

Akhirnya, saya mengambil peluang keemasan ini untuk merakamkan setinggi syabas dan penghargaan kepada Y. Bhg. Dato' Haji Wan Mohamad Zuki Mohamad, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat) selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Majlis serta Ahli Jawatankuasanya yang

15

telah berjaya menganjurkan program ini dengan begitu lancar dan baik sekali.

Kerjasama sepasukanlah yang telah menerbitkan kejayaan sebegini. Insya-Allah, jika kita meletakkan nilai kerjasama sepasukan dan sentiasa bersandarkan kepada 'Qaif' atau Kualiti, maka kita akan memperoleh impak kecemerlangan dalam sebarang tugas yang diamanahkan.

16



**Kata Johann Von Schiller :**

**Hanya mereka yang dapat melakukan kerja mudah dengan baik, dapat melakukan kerja sukar begitu mudah.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warrahamatullahi Wabarakatuh.

17

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada tetamu kehormat kita Yang Berbahagia Tan Sri Rahim Tamby Chik, Pengerusi RISDA di atas kesudian untuk melapangkan waktu bersama-sama kita pada pagi ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri, telah menyemarakkan lagi majlis yang diatur.

Saya juga turut mengalu-alukan kehadiran pegawai-pegawai dari Pusat Pungutan Zakat (PPZ) Wilayah Persekutuan dan juga

18

wakil dari Sekolah Kebangsaan Kepis, Kuala Pilah yang turut sudi memenuhi undangan dari pihak ESPEK.

Program yang diadakan di Bangunan GRAHA yang tersergam indah ini pastilah menjadi sesuatu yang cukup mengujakan memandangkan keindahannya yang menjadi lambang kebanggaan ESPEK dan RISDA keseluruhannya. Rasa kebanggaan itu bertambah bilamana ESPEK yang diteraju dan didokongi oleh mereka-mereka yang hebat kini telah berkembang pesat serta mampu menjadi antara Anak Syarikat RISDA yang cemerlang.

## **2.0 PRESTASI KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI 2008**

Program pagi ini menampakkan keutuhan ESPEK sebagai salah sebuah anak syarikat yang memiliki keupayaan untuk maju. Menyorot kepada perolehan keuntungan selepas cukai bagi tahun 2008 iaitu sebanyak **RM 176 juta** dari Akaun Ladang dan **RM 3.2 juta** dari Akaun Kilang, maka adalah diharapkan agar pendapatan ESPEK akan terus berkembang dan mampu

melonjak pada masa-masa yang akan datang, supaya faedahnya akan melimpah pula kepada setiap kumpulan sasar.

Sebagai contoh, hari ini kita dapat melihat rasa pertanggungjawaban ESPEK diaplikasikan terhadap nilai-nilai murni sepertimana yang sewajarnya.

### **3.0 CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR)**

Dalam ucapan saya sempena Majlis Perasmian Bengkel Pengurusan ESPEK 2009 pada 24 Februari lalu, saya

21

menekankan supaya Anak Syarikat menggunakan keuntungan syarikat setiap tahun bagi tujuan CSR (*Corporate Social Responsibility*). Saya berbangga kerana hari ini ESPEK telah menjelmakan harapan tersebut melalui sumbangan komputer kepada sekolah luar bandar yang telah dipilih. Dan, tentunya ia sebagai laluan awal yang dirintis bagi sumbangan-sumbangan yang lain pada masa hadapan.

### **4.0 ZAKAT ESPEK BAGI TAHUN KEWANGAN 2007**

22

Insyah-Allah, hari ini ESPEK akan menyerahkan sumbangan zakat perniagaan kepada pihak Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, dengan jumlah yang akan diumumkan oleh Yang Berbahagia Pengerusi RISDA sebentar nanti.

## **5.0 Penutup**

Sebelum berakhir, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Pengerusi serta tuan-tuan dan puan-puan sekalian, kerana telah dapat meluangkan waktu bagi sama-sama menjayakan majlis pada hari ini.

23

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum  
Warrahmatullahi Wabarakatuh.

**Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis.**

**Yang Berbahagia Tn. Hj. Wan Mohamad Zuki bin Hj.  
Mohamad**

**Timbalan Ketua Pengarah RISDA (Pengurusan & Korporat)  
Mewakili Ketua Pengarah RISDA,**

**Yang Berbahagia .....,  
Pengarah RISDA Negeri Sembilan,**

**Pengarah-Pengarah Bahagian,**

**Seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**

## **6.0 PENGHARGAAN**

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T., kerana dengan limpah izin dan kurnia-Nya dapat kita berkumpul pada di sini pada malam yang mulia ini bagi sama-sama menjayakan Majlis Perasmian Pertandingan Berbalas Pantun, Pidato dan

27

Penulisan Rencana sempena Sambutan 50 Tahun Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Sesungguhnya saya merasa amat berbesar hati kerana dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan yang datang dari seluruh agensi dan Jabatan di bawah KKLW.

Saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Penganjur yang telah sudi menjemput saya ke sini dan seterusnya diberi peluang untuk merasmikan majlis yang julungkalinya diadakan ini.

28

## **2.0 PENGISIAN PROGRAM**

Sesungguhnya, saya amat merasa gembira kerana semua kelompok masyarakat dapat bersama-sama dengan kita pada pagi yang cukup sejahtera ini. Ianya membuktikan bahawa semangat penyayang yang menjadi teras kemajuan kita selama ini tidak pernah luput, malah tetap subur mekar di jiwa setiap daripada kita. Dengan perhimpunan sebegini kita dapat merapatkan tali silaturrahim dan semangat bekerjasama ke arah membentuk masyarakat setempat yang sejahtera dan makmur.

29

## **3.0 KEGAWATAN EKONOMI**

Kita semua sedar bahawa pada ketika ini seluruh dunia, bukan saja di negara kita sedang berhadapan dengan masalah kegawatan ekonomi. Justeru itu, kita harus menerima hakikat bahawa setiap daripada kita perlu meneruskan usaha-usaha untuk menambah pendapatan melalui Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET). Kita juga disaran agar melibatkan diri dalam sektor-sektor lain seperti perusahaan kraf tangan, ternakan dan lain-lain. Ini semua perlu supaya kemelesetan yang melanda tidak terlalu dirasai.

30

Penurunan harga komoditi getah dan kelapa sawit ketika ini dilihat sebagai satu hikmah kepada pengeluarannya di mana negara-negara terbabit mula menghadkan pengeluarannya untuk diseimbangkan semula. Kita percaya, dengan berakhirnya krisis ekonomi dunia nanti, harga getah dan sawit akan kembali stabil walaupun tidak melonjak seperti beberapa bulan yang lalu. Saya agak optimis, bahawa putaran kegawatan tersebut akan berakhir tidak berapa lama lagi.

#### **4.0 KHIDMAT PENGEMBANGAN**

31

Di samping usaha-usaha lain, khidmat pengembangan/ latihan formal dan informal serta pendampingan dalam bidang produktiviti kebun juga dijalankan bagi memantapkan lagi amalan pertanian yang baik. Bagi RISDA, pembangunan ahli isi rumah perlu diberi penekanan sebagai jaminan untuk meningkatkan pendapatan keluarga serta taraf hidup masyarakat pekebun kecil dan luar bandar. Ini dilaksanakan dengan penubuhan Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK) bagi memastikan Pekebun kecil dapat meningkatkan produktiviti kebun disamping anak-anak pekebun kecil dapat meneruskan pendidikan ke taraf yang lebih tinggi.

32



## 5.0

### 4.0 PENINGKATAN PRODUKTIVITI

Sektor pekebun kecil menyumbang *95.4 peratus* kepada pengeluaran getah negara. Walaupun mereka adalah penyumbang utama pengeluaran getah negara, mereka masih lagi berhadapan dengan masalah-masalah yang berlarutan seperti saiz kebun yang kecil dan tidak ekonomik, tenaga kerja yang kurang, umur pekebun kecil yang meningkat tua. Dan

33

kesemua ini membawa kepada produktiviti dan pendapatan yang rendah dan menjurus kepada kemiskinan. Pada masa ini pengeluaran hasil kebun getah pekebun kecil amat rendah berbanding dengan hasil sebenar yang boleh dikeluarkan mengikut jenis klon getah. Hasil keluaran pekebun kecil hanya dalam lingkungan 1,599 kg/hektar setahun. Sedangkan hasil sebenar purata boleh mencapai 5,400 kg/sehektar/setahun.

Analisis Produktiviti Getah menunjukkan Produktiviti Getah Pekebun kecil telah meningkat dari 1,372 kg/hek/tahun pada tahun 2006 ke 1,599 kg/hek/tahun pada tahun 2007 iaitu

34

peningkatan sejumlah 16.5 %. Saya dengan penuh ikhlas mengucapkan ribuan terima kasih di atas komitmen dan kesungguhan yang ditunjukkan oleh Tuan-Tuan dan Puan-puan. Walau bagaimanapun, usaha-usaha untuk meningkatkan pengurusan dan peningkatan produktiviti kebun masih perlu dilaksanakan berterusan secara terancang dan teratur supaya kebun getah dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh 41/2 tahun dan mengeluarkan hasil tidak kurang daripada 2,000 kg/hek/tahun. Antara usaha-usaha yang dilaksanakan termasuk:

**a. Penubuhan kelab 2000**

35

Bermula tahun 2007, RISDA telah menubuhkan Kelab 2000 untuk getah bertujuan untuk menggalakkan pekebun kecil berusaha dengan gigih untuk memastikan mereka mengamalkan amalan pertanian yang baik (Good Agricultural Practices) untuk memperoleh hasil 2000 kg/hektar/tahun. Mereka yang berjaya mencapai penghasilan yang tinggi iaitu melebihi 2000 kg sehektar setahun diterima menjadi ahli kelab dan akan menerima beberapa kemudahan yang disediakan oleh RISDA. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Diberi keutamaan untuk menerima klon-klon getah dan benih-benih tanaman yang baik.

36

- ii. Diberi keutamaan untuk menyertai seminar, bengkel atau sebagainya yang dianjurkan oleh RISDA.
- iii. Berpeluang untuk menyertai program lawatan sambil belajar ke tempat-tempat yang berfaedah.
- iv. Menjadi tenaga pengajar kepada peserta kursus teknologi anjuran RISDA yang dijalankan di Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK).

Setakat ini, seramai 2,788 orang pekebun kecil telah menjadi ahli kelab dengan penghasilan kebun melebihi 2,000 kg/hek/tahun untuk getah. Manakala untuk sawit, seramai 81 orang telah menjadi ahli kelab 30 mt/hek/tahun. Di Kedah,

keahlian Kelab 2000 yang telah di daftar hanya seramai 143 orang pekebun kecil sahaja. Walau bagaimanapun saya difahamkan terdapat ramai pekebun kecil yang mampu memperolehi hasil melebihi 2000 kg/hek/tahun dengan menggunakan amalan teknologi yang disarankan. Syabas! Ini membuktikan produktiviti kebun getah boleh ditingkatkan jika diuruskan dengan baik selain menggunakan klon yang disyorkan, penggunaan bahan serta alat rangsangan dan pembajaan mengikut jadual.

## **b. Pelaksanaan Impian 500**

Mulai tahun 2008, RISDA telah mewajibkan kepada semua pekebun kecil yang akan menanam semula kebun mereka dengan tanaman getah dikehendaki menanam pokok getah dengan bilangan melebihi 550 pokok setiap hektar. Tindakan seumpama ini penting bagi memastikan supaya kebun-kebun tersebut mengandungi bilangan pokok tidak kurang daripada 500 pokok ketika mula membuka tapak torehan atau bila dibayar bantuan terakhir.

39

Jika berlaku kekurangan dalam tempoh tersebut, RISDA akan membantu pekebun kecil supaya menyulam pokok yang mati dengan pokok yang lain. Bilangan pokok getah dalam sesebuah kebun penting kerana ia menjadi salah satu faktor penentu kepada jumlah produktiviti atau pengeluaran yang dihasilkan oleh sesebuah kebun berkenaan.

## **c. Program Pengkalan Pengeluaran Getah (PPG)**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, salah satu usaha untuk meningkatkan pendapatan pekebun kecil adalah memastikan hasil getah dikeluarkan sepenuhnya. Sehubungan dengan itu

40

Program Pengekalan Pengeluaran Getah (PPG) telah diperkenalkan oleh RISDA pada tahun 2005 supaya pekebun kecil dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti getah ke tahap minimum 2000 kg sehektar setahun melalui amalan teknologi terkini. Input Pertanian yang dibekalkan termasuk baja, racun rumpai, etefon/Mortex dan RRIMFlow/G-Flex. PPG di laksanakan supaya pekebun kecil :

- i. Memulihkan kebun getah matang yang tidak terurus mengikut amalan agronomi yang baik supaya menjadi produktif.

41

- ii. Memastikan kebun getah matang tidak terbiar ditoreh atau ditoreh semula.
- iii. Memastikan kebun getah matang yang menyertai PPG terus ditoreh dan diurus mengikut amalan agronomi yang baik.
- iv. Meningkatkan kecekapan dan produktiviti kebun getah matang ke tahap minimum 2000 kg/hektar/tahun.

#### **d. Program Pemantauan Teknologi 3:3:1:3**

Program ini mula dijalankan pada tahun 2003 dan bertujuan untuk mengesan impak peningkatan produktiviti getah melebihi

42

2000 kg/hektar/tahun melalui amalan agronomi dan teknologi LITS. Sehingga Disember 2007, jumlah kebun getah matang yang di pantau adalah sebanyak 12,899 kebun.

#### **e. Khidmat Pengembangan/Pendamping/Latihan**

Di samping usaha-usaha lain, khidmat pengembangan/latihan formal dan informal serta pendampingan dalam bidang produktiviti kebun juga dijalankan bagi memantapkan lagi amalan pertanian yang baik. Bagi RISDA, pembangunan ahli isi rumah perlu diberi penekanan sebagai jaminan untuk

43

meningkatkan pendapatan keluarga serta taraf hidup masyarakat pekebun kecil dan luar bandar. Ini dilaksanakan dengan penubuhan Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK) bagi memastikan Pekebun kecil dapat meningkatkan produktiviti kebun disamping anak-anak pekebun kecil dapat meneruskan pendidikan ke taraf yang lebih tinggi.

#### **4.0 Penutup**

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada RISDA Kedah kerana berjaya menganjurkan satu Majlis

44

yang begitu berfaedah kepada pekebun kecil di negeri. Semoga Majlis ini memberi manfaat yang sepenuhnya kepada masyarakat pekebun kecil Kedah untuk lebih maju lagi di masa hadapan. Saya mendoakan agar Tuan-tuan dan Puan akan terus maju dan meningkatkan produktiviti.

Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz **bismillahirrahmanirrahim** saya merasmikan Majlis Pelancaran Tahun Produktiviti 2008 Negeri Kedah Darul Aman,

**Sekian. Wabillahi taufik Walhidayah Wsb.**